

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KERJA KURSUS
PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) TAHUN 2020
PASCA COVID-19
(BAGI MATA PELAJARAN PENGAJIAN AM, BAHASA MELAYU, BAHASA ARAB,
KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF, SYARIAH, USULUDDIN, TAHFIZ
AL-QURAN, SEJARAH, GEOGRAFI, EKONOMI, PENGAJIAN PERNIAGAAN, SENI
VISUAL, PERAKAUNAN, *PHYSICS*, *CHEMISTRY*, *BIOLOGY*, DAN SAINS SUKAN)**

1. Garis Panduan Pelaksanaan Kerja Kursus (KK) STPM Tahun 2020 Pasca Covid-19 ini dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi tujuan membendung/mencegah penularan wabak Covid-19 semasa calon melaksanakan KK STPM 2020, khususnya bagi mata pelajaran aliran Sains Sosial (Sastera) dan aliran Sains, iaitu mata pelajaran Pengajian Am, Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Kesusasteraan Melayu Komunikatif, Syariah, Usuluddin, Tahfiz Al-Quran, Sejarah, Geografi, Ekonomi, Pengajian Perniagaan, Seni Visual, Perakaunan, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, dan Sains Sukan.
2. Pihak sekolah/guru/calon hendaklah sentiasa mematuhi perkara yang berikut sepanjang tempoh pelaksanaan KK STPM:
 - (a) Arahan dan Syarat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan;
 - (b) Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
 - (c) Garis Panduan/SOP bagi membendung penularan wabak Covid-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)/Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/KPM/MPM dari semasa ke semasa;
3. Sebelum pelaksanaan KK STPM, guru hendaklah membuat perancangan pelaksanaan KK bagi memastikan pelaksanaan KK tersebut adalah mengikut garis panduan/SOP dan arahan yang ditetapkan.
4. Sebarang aktiviti KK STPM yang memerlukan **kontak rapat/bersentuhan**, berkumpul di ruang yang sempit dan bertentangan dengan garis panduan/SOP bagi membendung penularan wabak Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa adalah **dilarang sama sekali**.
5. Bagi pelaksanaan aktiviti KK STPM yang tidak melibatkan sebarang sentuhan pula, guru/calon hendaklah sentiasa mengamalkan norma hidup baharu yang ditetapkan, iaitu sentiasa memakai pelitup muka, menggunakan bahan pensanitasi tangan, dan mengamalkan penjarakan sosial sepanjang aktiviti berkenaan dijalankan bagi tujuan mengelakkan risiko jangkitan Covid-19.
6. Bagi **KK Geografi, Perakaunan, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, Sains Sukan, dan Seni Visual**, sekolah boleh memilih sama ada calon meneruskan KK yang berkenaan atau calon menduduki peperiksaan kertas alternatif bertulis pada Semester 3 STPM 2020 yang dijadualkan pada bulan Mac 2021 selaras dengan Surat MPM yang bernombor rujukan, bil. MPM.100-6/2/16 Jld.3(3) yang bertarikh 18 Jun 2020 tentang **Pilihan Untuk Meneruskan Kerja Kursus Mata Pelajaran Geografi, Perakaunan, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, Sains Sukan, dan Seni Visual atau Menduduki Peperiksaan Kertas Alternatif Bertulis Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2020**.
7. Bagi mata pelajaran *Physics*, *Chemistry*, dan *Biology*, radas makmal yang digunakan oleh setiap calon untuk tujuan setiap amali hendaklah disanitasi dahulu sebelum boleh digunakan oleh calon yang seterusnya.

8. Bagi mata pelajaran *Physics*, *Chemistry*, dan *Biology*, kot makmal yang digunakan oleh setiap calon tidak dibenarkan berkongsi dengan calon lain.
9. Bagi mata pelajaran Sains Sukan, guru KK **boleh** melaksanakan tugas amali yang melibatkan kontak rapat/bersentuhan antara calon tetapi **wajib** mematuhi syarat yang berikut:
 - i) Memakai pakaian peralatan perlindungan diri (PPE) yang lengkap bagi guru KK dan calon semasa melaksanakan tugas amali;
 - ii) PPE hendaklah disediakan oleh pihak sekolah;
 - iii) Amali hanya boleh dijalankan di kawasan sekolah sahaja;
 - iv) Peralatan sukan yang digunakan oleh setiap calon untuk tujuan setiap amali hendaklah disanitasi dahulu sebelum boleh digunakan oleh calon yang seterusnya
10. Pembentangan viva KK oleh calon kepada guru/pemeriksa hendaklah dilaksanakan secara bersemuka atau secara langsung secara dalam talian (seperti menggunakan aplikasi *Google Meet*, *Skype*, *StarLeaf*, dan sebagainya) sahaja. Pembentangan viva KK oleh calon secara **rakaman video adalah tidak dibenarkan sama sekali**.
11. Guru perlu merujuk kepada Manual Pelaksanaan Kerja Kursus dan Kriteria Pentaksiran Kerja Kursus yang terkini bagi merujuk sebarang pindaan (jika ada) bagi mata pelajaran yang berkaitan di portal MPM www.mpm.edu.my.
12. Sebarang kemusykilan tentang pelaksanaan KK STPM 2020 pasca Covid-19, guru boleh menghubungi Jurulatih Utama Negeri (JU) untuk penjelasan.
13. Garis Panduan Pelaksanaan Kerja Kursus STPM Tahun 2020 Pasca Covid-19 Keluaran 2: 2 Julai 2020 yang dikeluarkan oleh MPM ini **berkuat kuasa serta-merta** sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.